

Mahathir - Asia  
JANGAN SISIHKAN ASIA TIMUR, MAHATHIR BERITAHU BARAT  
Daripada Azman Ujang

I

SEOUL, 24 Mei (Bernama) -- Malaysia hari ini memberitahu negara-negara Barat supaya tidak menyisihkan Asia Timur daripada rancangan mereka ke arah pembentukan Orde Dunia yang boleh menjalin perdagangan bebas dunia.

Untuk berbuat demikian kerana kebimbangan tanpa sebab bermakna menafikan negara-negara Asia Timur daripada menyumbang pengetahuan luas dan kemahiran mereka yang telah dikumpul dalam proses pembangunan pesat mereka, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perjumpaan terbesar tahun ini antara tokoh eksekutif dan pegawai tertinggi kerajaan di rantau Asia-Pasifik, di sini.

"Kami mengakui bahawa dalam banyak bidang, Barat telah mendahului, tetapi Asia Timur tidak kurang bijaksana yang boleh membentuk Orde Baru Dunia," katanya.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Timur telah membuktikan kemampuan mereka untuk menerima dan menyesuaikan diri dengan sistem-sistem baru dan mengambil faedah daripadanya.

"Jadi, jangan halang kami untuk bersatu kerana kami boleh menyumbang kepada proses kesejagatan," kata Perdana Menteri yang jelas merujuk kepada tentangan Amerika Syarikat terhadap cadangan Malaysia bagi penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC). -- Lagi

▼24/05/18-24MST

CNS6301

U GB 24-05 00138 BH920

aab

Mahathir - Asia 2 Seoul

Lebih 700 orang menghadiri Mesyuarat Am Majlis Ekonomi Lembah Pasifik (PBEC), sebuah pertubuhan tokoh-tokoh perniagaan dari rantau itu yang berusaha ke arah pengembangan perdagangan dan pelaburan menerusi pasaran terbuka.

Dr Mahathir berkata tiada siapa yang akan rugi daripada penubuhan EAEC tetapi sebaliknya dunia akan mendapat keuntungan daripadanya.

"Jelaslah, kita perlu bekerjasama atas landasan bagi mendapat faedah bersama, saling hormat-menghormati, permuafakatan dan demokrasi.

"Kita perlu pasti supaya kita semua di Asia Timur berasa selamat dan supaya rakan-rakan kita di tempat lain tidak terasa terancam. Kita perlu bebaskan lagi kuasa-kuasa keusahawanan yang produktif," katanya.

Perdana Menteri menggesa negara-negara Asia Timur supaya menjadikan sikap saling bergantung, bersatu-padu dan bekerjasama di bidang ekonomi sebagai contoh kepada dunia terhadap semangat rantau yang terbuka. -- Lagi

▼24/05/18-43MST

CNS6302

U GB 24-05 00066 BH921

aab

Mahathir - Asia 3 (Akhir) Seoul

"Saya berpendapat perkara ini tidak susah kerana semua perkara seperti ini adalah untuk kepentingan negara dan rantau kita," katanya.

Asia Timur juga perlu mendapatkan pelaburan asing secara langsung, pengaliran modal, teknologi, pengetahuan, semangat keusahawanan dan pengurusan moden dari setiap penjuru dunia, kata Dr Mahathir. -- Bernama

AU OA MIB

▼24/05/18-43MST